

Cara Malaysia tangani pengganas jadi contoh: PM

BH 30 SEP 2001

Oleh **WAN HAZMIR BAKAR**
dan **TEH KIAN KIAT**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bukan pangkalan pengganas di rantau ini, sebaliknya menjadi pusat rujukan tidak rasmi masyarakat antarabangsa yang ingin tahu cara menangani masalah itu.

Sambil menafikan laporan media yang cuba memberikan Malaysia label itu, Perdana Menteri berkata memang ada pengganas di negara ini dan Malaysia sendiri pernah memerangi gerila komunis selama 42 tahun.

Katanya, Amerika Syarikat serta negara maju lain kini meniru cara Malaysia memerangi pengganas termasuk menggunakan perundangan ketat atau tindakan tegas seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Pengganas memang ada di negara ini, sebab itu kita ada ISA. Tetapi bila kita gunakan ISA untuk menyekat pengganas, kita dituduh sebagai tidak demokratik, tidak adil dan bermacam-macam lagi.

"Tetapi sekarang mereka melakukan apa yang kita sudah lakukan, mereka belajar daripada kita. Secara tidak langsung kita menjadi pangkalan belajar bagaimana untuk menangani pengganas," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini semalam.

Beliau ditanya mengenai laporan media asing yang memetik kenyataan Timbalannya yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Bada-

wi, sebagai kononnya mengakui Malaysia sebagai pangkalan pengganas di rantau ini.

Laporan itu dipercayai cuba mengaitkan tindakan Malaysia terhadap kumpulan Al-Maunah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dengan rangkaian Osama bin Laden yang dianggap Amerika Syarikat bertanggungjawab terhadap serangan pengganas terhadap New York dan Washington.

Dr Mahathir berkata, lebih banyak tangkapan akan dibuat jika pasukan keselamatan dapat meningesan ahli lain kumpulan militan itu atau pengganas.

"Jika kita dapat mengenal pasti mereka, kita akan tangkap. Kita tidak akan biarkan mereka yang menganut fahaman sedemikian bebas di tengah masyarakat," katanya.

Ditanya apakah ini bermakna wujud ramai yang berfahaman sedemikian, Perdana Menteri berkata kini sudah jelas ada kalangan ahli satu parti politik yang cenderung menggunakan pendekatan ganas.

"Ya, tetapi kita tidak mahu menuduh parti politik lain. Namun begitu kita sudah lihat satu parti politik," katanya merujuk pembabitian sebilangan ahli Pas dalam gerakan militan.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai pemberian kontrak dalam projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kepada salah seorang adik beradik Osama bin Laden, iaitu Omar.

Katanya, Omar ialah ahli perniagaan yang bukan saja terlibat dalam projek KLIA tetapi dalam projek ternakan udang di Kerpan, Kedah, selain da-

lam projek pembinaan masjid di Mekah dan Madinah, katanya.

"Hanya kerana ada anggota keluarga itu pengganas, itu tidak bermakna keseluruhan keluarga itu pengganas," katanya sambil menambah Omar dan pelawat lain dialu-alukan ke Malaysia kecuali jika mereka disenaraihitamkan.

Mengenai saranan Gerakan supaya Umno mengorak langkah ke arah parti majmuk, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata ia sudah dimulakan apabila orang Thai dan Cina di Sabah turut diterima menyertai parti.

"Malah seorang Kristian, John Ghani pernah berucap di dalam perhimpunan Umno," katanya sambil menambah proses itu perlu dilakukan secara perlahan kerana memang sifat manusia tidak boleh menerima perubahan secara mendadak.

Sementara itu Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa berwaspada walaupun belum ada sebarang ancaman termasuk merampas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS).

"Buat masa ini, kita tidak nampak ancaman terhadap penerbangan Malaysia, tetapi kita mesti berwaspada," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah syarikat penerbangan mengambil perlindungan insurans untuk memelihara kepentingan penumpang adalah untuk menghadapi ancaman itu.

Beliau berkata langkah yang mungkin dilakukan ialah menempatkan pengawal udara dalam pesawat untuk melindungi keselamatan penumpang daripada ancaman perampas.